

Baca petikan di bawah dan jawab soalan- soalan yang berikutnya.

Pada hari Sabtu yang lalu Sekolah Kebangsaan Taman Seri Damai telah mengadakan program membersihkan sekolah. Program ini bermula pada pukul 8.00 pagi. Semua guru, murid dan ibu bapa tahap dua hadir ke sekolah pada hari itu.

Dalam ucapan perasmian guru besar sekolah, Encik Hatamudin mengingatkan murid- murid agar menjaga kebersihan kawasan sekolah. murid- murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang diawasi oleh dua orang guru. Setiap kumpulan juga akan menyiapkan tugas- tugas yang lain supaya semua kerja dapat diselesaikan dengan cepat. Mereka melakukan tugas yang diberikan dengan bersungguh- sungguh.

Mereka membersihkan kawasan sekolah, bilik darjah dan menanam pelbagai jenis pokok bunga yang disumbangkan oleh ibu bapa mereka bagi mencantikkan kawasan sekolah.

Apabila semua tugas telah selesai, mereka menikmati jamuan ringan yang disediakan oleh pihak sekolah. pihak sekolah mengucapkan terima kasih kepada semua guru, ibu bapa dan murid- murid yang menjayakan aktiviti gotong royong itu. Program itu telah tamat pada pukul 2 petang.

1. Bilakah Sekolah Kebangsaan Taman Seri Damai mengadakan program membersihkan sekolah?

---

2. Siapa yang hadir ke sekolah pada hari itu?

---

3. Siapakah Encik Hatamudin?

---

4. Apakah tujuan pokok bunga ditanam di sekolah?

---

5. Bilakah program itu telah tamat?

---